

19/06/1998

Menggembleng usaha menangani kemelut ekonomi

SYUKUR ke hadrat Allah, walaupun dalam keadaan serba sederhana dan serba kekurangan kita masih dapat dipertemukannya bagi merapatkan hubungan dan mengeratkan persaudaraan, moga-moga ikatan ini lebih kukuh dan akrab.

Namun perhimpunan kita pada kali ini berbeza dengan perhimpunan kita pada masa-masa lalu. Kita berada di sini untuk membincangkan agenda besar menyangkut persoalan bangsa; masalah ekonomi, masalah budayanya, dan yang paling utama, masa depannya dalam alaf baru yang tentu sekali penuh dengan ranjau.

Apa yang membuatkan perbezaan, yang saya rasakan, dan tentu juga yang saudara-saudari rasakan ialah suasana. Dan suasana inilah yang telah mempengaruhi fikiran kita, juga yang telah menyelimut dasar fikir saudara-saudari hingga terbawa-bawa dalam perhimpunan ini. Kita sedang berdepan dengan suasana gawat.

Seluruh Asia Timur dilitupi mendung ekonomi. Ekonomi kita turut lembap. Rakyat menghadapi kesukaran. Harga barang-barang keperluan melonjak mahal. Tahun lalu ekonomi tumbuh pada kadar 7.8 peratus. Dalam ucapan Belanjawan 1998 pada Oktober lalu kita meramalkan ekonomi tahun ini hanya tumbuh pada kadar tujuh peratus. Pada Mac unjuran itu disemak kepada dua hingga tiga peratus. Tetapi dalam suku pertama tahun ini ekonomi hanya mengecut pada kadar 1.8 peratus.

Jelas sekarang kita berhadapan dengan ujian yang getir, satu jenis ujian yang belum pernah dialami sejak kita menjadi negara merdeka. Namun kita perlu hadapi dugaan ini dengan cekal, sabar dan bijaksana.

Ekonomi kita gawat kerana angkara dari luar. Ringgit merudum kerana diserang pedagang mata wang. Ini boleh berlaku kerana sistem kewangan antarabangsa yang tidak keruan. Sistem itu sudah ketinggalan zaman. Justeru itu, ia tidak lagi mampu menangani perubahan dalam teknologi yang membolehkan dana digerakkan dan dipindahkan seperti kilat. Pengurus-pengurus dana dan pedagang mata wang bertindak tanpa sekatan dan tanpa peraturan.

Pertimbangan mereka hanya untuk mendapat keuntungan. Dan demi keuntungan mereka memanipulasi perdagangan mata wang. Bila mereka menyerang pasaran modal dan mata wang menjadi huru-hara laksana bandar dilanggar garuda, krisis meletus dan kemelut melanda. Bukan semata ekonomi negara kecil menjadi porak peranda. Kini yen Jepun turut merosot. Sesungguhnya sistem kewangan antarabangsa memerlukan perubahan. Perlu ada kerangka baru, a new architecture, untuk sistem kewangan dunia menggantikan Bretton Woods. Keinsafan ini telah mendorong Malaysia untuk menggembleng pandangan masyarakat antarabangsa agar melaksanakan reformasi sistem kewangan antarabangsa. Masyarakat antarabangsa, kini akur betapa beratnya masalah yang kita bangkitkan dan berusaha untuk mengemukakan reformasi, supaya pergerakan modal lebih terkawal dan lebih telus. Perlu ada kerangka kawalan untuk pergerakan modal dan perdagangan matawang. Sementara perdagangan mata wang itu perlu untuk tujuan perdagangan namun pedagang mata wang jangan dibiar bertindak sewenang-wenang mengaut keuntungan tanpa mengira kesannya terhadap negara lain khususnya penderitaan rakyat akibat perbuatan tamak mereka.

Tetapi sementara kita menggesa masyarakat antarabangsa membetulkan kepincangan dalam sistem kewangan antarabangsa kita juga perlu akur bahawa kemelut ekonomi menuntut perubahan dalaman. Kita perlu meningkatkan kecekapan, produktiviti serta daya saing. Kita perlu meningkatkan

ketelusan, memperbaiki tatalaku pengurusan korporat (corporate governance) dan membanteras rasuah.

Kita perlu bertindak proaktif agar penderitaan rakyat tidak menjadi lebih pedih. Agenda keadilan sosial dan agenda Melayu akan terkandas selagi ekonomi tidak pulih. Kita tidak boleh melakukan pengagihan jikalau ekonomi tidak berkembang. Keadilan sosial dan pengagihan hanya boleh dilakukan tatkala ekonomi tumbuh dan berkembang rancak. Justeru itu, pemulihan ekonomi perlu menjadi keutamaan kita masa kini.

Sejak ekonomi Malaysia pulih daripada kemelesetan di hujung tahun-tahun 80an kita telah membuat pembaharuan yang radikal. Satu pembaharuan yang merangsang sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan. Sektor swasta adalah pemacu kebangkitan ekonomi Malaysia sehingga mencapai kemajuan yang menakjubkan.

Keyakinan kita terhadap sektor swasta tidak berganjak. Sejak beberapa bulan lalu kita berhadapan dengan suasana yang sungguh berlainan. Sektor swasta lelah, kepenatan dan jerih setelah memacu pertumbuhan yang luar biasa tinggi untuk sekian lama. Jelas sektor swasta telah menjadi lesu akibat mengagahi pertumbuhan di luar daya dan kemampuan asas-asas ekonomi.

Tetapi kelesuan ini tidak boleh dibiarkan mencengkam keseluruhan ekonomi. Jika kelesuan ini tidak dilawani kemungkinan ekonomi negara kuncup dalam tahun ini, sementara inflasi meningkat akibat susutan nilai ringgit. Kuncupan aktiviti ekonomi negara yang berterusan akan menimbulkan pelbagai bahana seperti meningkatnya pengangguran, bertambahnya kegagalan kewangan korporat dan syarikat muflis, dan merebaknya masalah hutang lapuk.

Tekanan jualan aset seperti saham dan hartanah akan meningkat. Perkembangan sedemikian akan menyebabkan penurunan harga aset, yang akan turut menjejaskan nilai pasaran cagaran sistem perbankan. Institusi-institusi perbankan akan perlu meningkatkan lagi modal mereka, berikutan peningkatan hutang tidak berbayar sistem perbankan dan susutan kualiti aset yang dicagarkan kepada sistem perbankan. Kegagalan institusi-institusi perbankan membuat recapitalisation boleh menyebabkan masalah insolvency dan risiko sistematik.

Kuncupan ekonomi akan mempunyai akibat yang mengerikan. Tidak dapat tidak langkah tegas dan berani perlu dilaksanakan untuk menghalang ekonomi daripada terus merosot. Masanya sudah tiba bagi sektor swasta kembali tampil sebagai pemangkin pertumbuhan. Oleh itu Kementerian Kewangan telah mengemukakan satu rencana counter-cyclical untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Cadangan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri semalam. Dalam rencana ini kerajaan perlu menambah peruntukan perbelanjaan pada tahun 1998 sebanyak RM7.031 bilion. Insya-Allah tambahan peruntukan perbelanjaan ini akan meningkatkan kadar pertumbuhan KDNK benar daripada pertumbuhan negatif 1.8 peratus.

Kita perlu memastikan tambahan perbelanjaan kerajaan mendatangkan kesan positif sepenuhnya dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan semua golongan rakyat. Justeru itu, pelaksanaan projek-projek dalam rencana pemulihan ini perlu dipastikan tidak menyebabkan rizab atau mudahtunai mengalir keluar dari negara.

Usaha akan ditumpukan kepada projek-projek yang dapat menjana permintaan untuk barangan dan perkhidmatan keluaran dalam negeri yang tinggi, projek yang dapat meningkatkan kecekapan (efficiency) dan daya saing negara; mengganti import dan meningkatkan eksport dan projek yang berdaya menghasilkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan dalam masa yang singkat.

Kerajaan akan menentukan projek untuk dilaksanakan secara segera pada separuh kedua tahun 1998 dan pada tahun 1999 bagi mempercepatkan pemulihan pertumbuhan ekonomi negara. Projek yang boleh dipertimbangkan termasuk

projek pertanian, pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, sekolah-sekolah, pembesaran institusi-institusi latihan kemahiran dan pendidikan tinggi, klinik, jambatan serta jalan-jalan kecil terutamanya di luar bandar, sistem bekalan air serta penyelenggaraan kemudahan asas.

Salah satu langkah terpenting untuk memulihkan ekonomi ialah penubuhan Pengurusan Dana Harta Berhad dengan modal RM25 bilion untuk menangani masalah hutang lapuk (NPL) dan aset sistem kewangan. Danaharta akan beroperasi berdasarkan prinsip ekonomi pasaran yang menekankan amalan terbaik dalam aspek ketelusan, tatalaku pengurusan korporat, serta penelitian wajar (due diligence) dalam semua aspek undang-undang dan kewangan. Dengan menyelesaikan beban NPL, bank-bank dapat menumpukan perhatian kepada memberi pinjaman kepada sektor-sektor produktif. Pemulihan ekonomi merupakan kepentingan semua syarikat besar dan sederhana.

Dalam suasana kusut ini kita harus sentiasa tenang. Jangan kita menjadi bagai orang terpijak bara hangat, menjadi tak senang diam. Kita jangan hilang pedoman. Prinsip perjuangan yang berteraskan ajaran Islam dan kebudayaan Melayu harus digenggam kuat-kuat. Apabila kita yakin dengan kebenaran yang diperjuangkan, kita jangan gementar. "Jangan kamu berasa hina dan jangan kamu berasa sedih" (Ali Imran: 139).

Sudah tentu ada petualang yang ingin menanggung di air keruh. Ada pihak yang cuba mengadu-domba. Jika ada media asing atau orang luar yang cuba melaga-laga di kalangan pimpinan kita, kita jangan terpengaruh. Kita jangan sekali-kali terperangkap dengan permainan mereka. Jangan juga kita menari menurut rentak golongan yang kecewa dan tersisih. Jangan sekali-kali kita terpedaya dengan pakatan gerombolan dengki dan konco-konco upahan mereka bersifat talam dua muka dan bergelumang dalam najis fitnah.

Umno punya agenda yang tersendiri yang perlu diperjuangkan. Hanya Umno boleh menentukan agenda Umno. Kita merumus agenda kita tersendiri: agenda bangsa Melayu, agenda ekonomi, agenda sosial, agenda agama dan agenda budaya. Kita mempunyai Wawasan 2020 dan gagasan masyarakat madani yang perlu dijayakan. Maka perhatian dan tumpuan kita jangan dikalihkan oleh permainan catur orang lain.

Umno perlu bersatu dalam satu saf yang padu bersama pimpinan kita yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadapi suasana getir ini. Kepentingan peribadi perlu diketepikan; dan sikap berkelompok atau berpuak harus dielakkan. Kita perlu mengambil iktibar dari kerenaah akibat sikap berpuak-puak.

Kita perlu gilap semangat berkorban. Tetapi pengorbanan tidak boleh pada satu pihak saja. Pengguna perlu berkorban, tetapi peniaga juga perlu berkorban. Rakyat perlu berkorban, tetapi pemimpin juga perlu berkorban.

Kita tidak akan dapat keluar dari kegawatan sekarang jika ada golongan yang mengambil sikap enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Golongan bernafsu besar ini mahukan mereka sentiasa didahulukan. Dalam zaman mewah mereka mahu membolot segala habuan. Tatkala kita berdepan dengan kesusahan mereka mahukan mereka dibantu dengan segera, terlebih dahulu dari yang lain dan dengan apa cara sekalipun.

Bahkan mereka menggertak sesiapa saja termasuk institusi-institusi kerajaan agar memberikan keutamaan terhadap menyelesaikan masalah mereka. Mereka ini merasakan diri mereka sebagai anak emas, perlu sentiasa ditatang, kemahuan mereka mesti dilayan, martabat mereka lebih tinggi daripada seluruh rakyat jelata yang lain.

Yang perlu kita dukung ialah kepentingan negara, yang perlu kita perjuangkan ialah kepentingan rakyat. Kepentingan umat harus mengatasi kepentingan golongan dan kelompok. Usaha memulihkan ekonomi ada juga persamaannya dengan merawat orang sakit. Ubat pahit perlu ditelan. Dalam masa merawat terkadang-kadang sakit bertambah. Kita perlu bersabar. Tidak

ada jalan singkat kepada pemulihan.

Dalam suasana gawat, Umno sudah tentu akan melihat kepada Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita. Kita menghargai kepemimpinan Pemuda yang mengembalikan keyakinan terhadap pergerakan dari suasana muram sebelumnya. Pemuda kembali tampil sebagai jurubicara kepentingan umat, menyeru kepada keadilan sosial dan menegur kepincangan dalam masyarakat. Kepemimpinan Wanita pula menggembleng langkah proaktif untuk secara langsung menangani kegawatan ekonomi.

Pelancaran Asnita merupakan sumbangan langsung Pergerakan Wanita dalam perjuangan melawan kemelut ekonomi. Ini suatu hakikat, sudah menjadi tradisi bahawa Pemuda dan Wanita sebagai pemacu haluan baru dalam parti. Idealisme perlu digilap. Keyakinan perlu dibaja.

Tetapi sementara kita memperteguh iltizam, pemikiran kita harus berubah. Kita jangan dikongkong oleh pemikiran jumud. Alaf baru di depan kita. Kita berdepan dengan cabaran kesejagatan, cabaran dunia tanpa sempadan, cabaran ledakan maklumat dan tuntutan masyarakat madani. Cabaran alaf baru tidak boleh ditangani dengan pemikiran feudal zaman silam. Cabaran dunia terbuka dan globalisasi tidak boleh dihadapi dengan pemikiran katak di bawah tempurung. Cabaran masyarakat maklumat tidak boleh dihadapi dengan kejahilan, pemikiran tertutup. Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita adalah wadah untuk memperbaharui tekad perjuangan, memekarkan jiwa merdeka.

Kekuatan Umno ialah bahawa ia sentiasa relevan. Relevan kepada masyarakatnya. Relevan pada tiap detik dan ketika. Umno bergerak seiring semangat zaman. Umno mampu menyelami setiap riak dan gerak dalam masyarakat. Ia mampu bersenyawa dengan setiap kita dan hasrat rakyat. Maka kerana itu tidak hairanlah selama ini Umno berjaya menawan hati rakyat.

Jika kita merenung sejarah kebangkitan bangsa Melayu kita akan insaf bahawa kebangkitan itu muncul dari gerakan pembaharuan dan reformasi. Bibit pembaharuan itu disemai oleh majalah al-Imam yang diterbitkan dalam tahun 1906 yang gagasannya diungkapkan oleh pengarangnya Syed Sheikh al-Hadi: "Mengingatkan yang lali, membangunkan yang tidur, memberi panduan kepada yang sesat, memberi suara kepada mereka yang bercakap dengan hikmah."

Kita harus insaf bahawa Umno sendiri ditubuhkan sebagai buah kepada benih pembaharuan yang disemai 40 tahun sebelumnya. Umno sentiasa mendukung semangat reformasi gagasan almarhum Datuk Onn Jaafar. Dan beberapa tahun lalu, Datuk Seri Presiden menggesa reformasi budaya sebagai prasyarat umat Melayu menjawab cabaran zaman. Tanpa reformasi bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang jumud, bangsa yang tenggelam dalam lipatan sejarah, bangsa yang dilupakan.

Umno perlu menegaskan agenda Melayu, iaitu agenda untuk mengangkat martabat bangsa. Melaksana agenda ini tentu lebih sukar dalam suasana melakukan pilihan, keutamaan perlu disusun semula.

Jika pada zaman ekonomi subur kita boleh mengharapkan sektor swasta mengambil sebahagian tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskin dan daif. Pada masa ekonomi rapuh, tanggungjawab itu kembali sepenuhnya kepada kerajaan. Dasar fiskal perlu ditumpukan terhadap membantu golongan yang paling memerlukan bantuan. Tumpuan juga perlu diberikan kepada peniaga kecil dan sederhana. Peruntukan pembasmian kemiskinan ditambah. Tabung biasiswa untuk pelajar miskin digerakkan secepat mungkin.

Kita perlu kukuhkan kekuatan dalaman, kekuatan budaya, kekuatan ekonomi dan kekuatan politik. Kita harus menangani gelombang globalisasi dan zaman digital. Hanya dengan memahami kenyataan ini kita dapat merangka strategi agar tidak menjadi mangsa, sebaliknya dapat memacu gelombang itu untuk kesejahteraan umat dan bangsa kita.

Dalam perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita dua tahun

lalu, iaitu tatkala badai ekonomi belum melanda, saya mengungkapkan sepotong ayat al-Quran yang boleh dijadikan cogan kata perjuangan, ayat yang boleh dipegang dan diangkat sebagai penggilap daya juang. Ayat itu (Surah Hud: 88) bermaksud: "Sesungguhnya tidak ada apa yang aku mahu melainkan melakukan Islah dengan segenap dayaku."

Kita perlu merangsang islah dan pembaharuan ke arah memperteguh iman, memupuk akhlak dan meransang ketinggian akal budi. Kita perlu memekarkan semangat muafakat melalui musyawarah dan demokrasi. Tradisi dan budaya perlu dipertahankan iaitu tradisi murni. Kesopanan dan kehalusan budi tradisi yang mengutamakan ilmu, kebijaksanaan, pertimbangan akal saksama serta muhasabah bukannya tradisi bobrok atau tradisi feudal yang rapuh yang membawa kita kembali ke zaman jumud dan gelap. Kita perlu memperjuangkan keadilan sosial dan pengagihan saksama hasil ekonomi `agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang kaya" (Surah al-Hasyar: 7). Inilah semangat perjuangan Umno. Kita tidak akan dapat melakukan semua ini selagi kita tidak menggilap daya juang, daya juang agama, daya juang budaya, daya juang politik, daya juang ekonomi. Dalam perjuangan ini kita harus banyak bersabar dalam menangani segala cabaran dan kegawatan. Kita harus meningkatkan amal demi mencapai kemenangan yang hakiki.

(END)